

Kerajaan sudah laksana 39.01 peratus janji: PM

> Prestasi diukur melalui status kemajuan 464 inisiatif

Oleh Wan Falzal Ismayatlm, Irwan Shafrihan Ismail, Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulalman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) sudah melaksanakan 39.01 peratus

daripada janji Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dalam tempoh 10 Mei 2018 hingga 30 April lalu sejajar hasrat 'Mem-bina Negara dan Memenuhi Harapan', kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, prestasi itu diukur melalui status kemajuan 464 inisiatif, iaitu dasar dan tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji.

Beliau yang juga Pengerusi PH berkata, 53 daripada 128 inisiatif atau 11.42 peratus sudah ditunaikan, manakala 283 atau 60.99 peratus inisiatif lagi dalam peringkat perancangan atau belum dimulakan.

"Prestasi itu menunjukkan peningkatan 29.34 peratus berbanding 9.67 peratus pada 31 Disember 2018," katanya dalam Perutusan Perdana Setahun

Malaysia Baru kerajaan Pakatan Harapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, anggota Kabinet serta kepimpinan PH daripada empat parti komponen.

Komitmen kerajaan bina negara

Dr Mahathir berkata, pencapaian itu menunjukkan komitmen kerajaan untuk membina negara dan memenuhi harapan rakyat dengan kerajaan mempunyai masa empat tahun lagi untuk memastikan semua janji dapat dilaksanakan dan yakin semuanya akan tercapai sebelum mandat berakhir.

Beliau berkata, reformasi dalam undang-undang sudah atau sedang dilaksana dengan semua undang-undang zalim dan menekan rakyat sudah dibatal atau dihenti penguatkuasaannya, manakala pelaksanaan hukuman bunuh dihenti sementara bagi meneliti pendapat rakyat.

"Demikian juga undang-undang berkenaan berita palsu telah digantung sementara menunggu penghapusan. Media diberi kebebasan sepenuhnya tanpa perlu menunggu arahan atau pesanan dari pemimpin atau orang suruhan mereka di Putrajaya seperti sebelum ini.

"Pertumbuhan ekonomi masih berterusan dan tanda menunjuk kepercayaan pelabur sudah meningkat," katanya

Dr Mahathir berkata, janji untuk kembali kepada Perjanjian

Reformasi dalam undang-undang sudah atau sedang dilaksana dengan semua undang-undang zalim dan menekan rakyat sudah dibatal atau dihenti penguatkuasaannya"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Malaysia 1963 (MA63) sudah dilaksana dan diperakui oleh Kerajaan Pusat dengan pengiktirafan Malaysia sebagai cantuman Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Kejayaan besar PH

Perdana Menteri berkata, penganjakan Malaysia sebagai stabil dan aman adalah kejayaan besar bagi PH kerana ramai yang khuatir negara ini akan dilanda rusuhan kaum dan agama jika ia memerintah.

"*The Rule of Law* atau pemerintahan mengikut undang-undang jelas diamalkan oleh PH. Pemisahan kuasa antara tiga pihak, iaitu pembuat undang-undang, pelaksana pentadbiran dan kehakiman jelas diamalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, inisiatif spesifik juga sudah dilaksanakan untuk kesejahteraan warga FELDA serta masyarakat India dan usaha ini sedang di-

pergiatkan.

"Begitu juga Inisiatif untuk wanita. Walaupun kerajaan masih tidak berpuas hati dengan usaha menempatkan lebih ramai wanita sebagai pembuat dasar, beberapa pelantikan memperlihatkan komitmen kerajaan terhadap inisiatif ini.

"Buat julung kalinya, Malaysia mendapat Timbalan Perdana Menteri wanita, selain beberapa jawatan penting dalam Kabinet, malah buat pertama kali kita mendapat wanita sebagai Ketua Hakim Negara," katanya.

Perdana Menteri turut menyenaraikan inisiatif untuk memberi peluang untuk orang muda memainkan peranan penting dalam pembuatan dasar, termasuk melantik seorang anak muda menjadi anggota Kabinet.

Katanya, antara isu yang memerlukan perhatian kerajaan ialah perumahan mampu milik dengan antara strategi ialah mewujudkan Majlis Perumahan Mampu Milik Kebangsaan bagi menyatukan gerak kerja semua agensi berkaitan di bawah satu bumbung.

"Majlis ini, antara lain, akan mengambil langkah membina sejuta rumah mampu milik dalam masa dua penggal dan menyalahkannya satu pangkalan data terbuka rumah mampu milik yang belum terjual, untuk mengelak penyembunyian maklumat oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab. Kita yakin kita akan dapat membangunkan 100,000 rumah mampu milik bagi 2019," katanya.